

**Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,
YBrs/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih untuk makluman dan rujukan.**

1.	TAJUK	KETUA JABATAN KENA KAWAL PINJAMAN PENJAWAT AWAM
	SUMBER	BERITA HARIAN
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	PERKHIDMATAN AWAM
	MUKA SURAT/RUANGAN	MUKA DEPAN & 5 (NASIONAL)

Ketua jabatan kena kawal pinjaman penjawat awam

Ketua jabatan diarah memantau jumlah gaji penjawat awam bagi membayar hutang, selain tidak menyokong permohonan pinjaman baharu jika ia boleh menyebabkan kakitangan berkenaan hadapi masalah kewangan serius kerana menerima gaji bersih kurang daripada 40 peratus. Penjawat awam terabit dibimbangi akan terbeban untuk menyara keluarga sehingga terjerumus dalam gejala rasuah. *Oleh Suzalina Halid → Nasional 5*

Eksklusif



Khamis, 4 Januari 2024

Nasional

5

Ketua jabatan kena kawal pinjaman penjawat awam

Langkah elak kakitangan terjerat masalah hutang serius

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Ketua jabatan diarah memantau jumlah gaji penjawat awam bagi tujuan membayar hutang, selain tidak menyokong atau meluluskan permohonan pinjaman baharu sekiranya ia boleh menyebabkan pegawai awam berkenaan menerima pendapatan bersih kurang daripada 40 peratus.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Dr Zulkapli Mohamed, berkata semua ketua jabatan juga perlu mengambil tindakan tatatertib terhadap kakitangan yang didapati melakukan penipuan, termasuk ada yang memalsukan penyata gaji bagi tujuan mendapatkan pinjaman.

Beliau bimbang jika jumlah pinjaman diambil kakitangan awam tidak dipantau ia boleh menyebabkan mereka terjerumus dalam masalah hutang yang serius.

"Kerajaan mengawal permohonan pinjaman peribadi dengan

menetapkan bahawa pemotongan yang dibuat menerusi Angkasa juga hendaklah dikemukakan kepada ketua jabatan terlebih dahulu untuk kelulusan.

"Kerajaan sentiasa memberi perhatian serius terhadap pegawai awam supaya tidak terjerumus dalam hutang kewangan yang serius kerana keadaan itu boleh menyebabkan pegawai terabit dengan perlakuan rasuah," katanya kepada BH.

Beliau berkata demikian mengulas amalan berhutang dalam kalangan penjawat awam hingga menyebabkan ada antara mereka yang dikatakan membawa pulang pendapatan bersih yang kecil bagi menyara kehidupan keluarga sepanjang bulan susulan beban hutang yang tinggi.

Satu kes yang dirujuk berdepan masalah hutang serius itu membabitkan pasangan penjawat awam yang mempunyai tiga anak, dengan isteri bekerja sebagai guru Gred 41, manakala suami anggota polis berpangkat konstabel. Pasangan itu dilaporkan mempunyai dua kereta iaitu Proton X70 dan Perodua Bezza.

Susulan masalah hutang dan pinjaman yang ditanggung kedua-duanya, baki gaji bulanan guru berkenaan adalah RM400, manakala suaminya hanya tinggal RM150.

Malah, ada laporan sebelum ini mendedahkan kumpulan penjawat awam berhadapan masalah

Eksklusif

hutang yang serius dan terjebak dengan pinjaman along.

Patuhi peraturan ditetap

Mengulas lanjut, Zulkapli berkata, kerajaan menetapkan peraturan yang perlu dipatuhi oleh semua pegawai awam menerusi subperaturan 13(1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) [P.U. (A) 395/1993] yang memperuntukkan mereka tidak boleh dengan apa-apa cara menyebabkan diri berada dalam keterhutangan kewangan yang serius.

Katanya, subperaturan 13(7) P.U. (A) 395/1993 menjelaskan keterhutangan kewangan yang serius bermaksud keadaan hutang seseorang pegawai yang setelah diambil kira semua hutang yang ditanggungnya, sebenarnya menyebabkan kesusahan kewangan yang serius kepadanya.

Selaras dengan subperaturan 13(6)(a) P.U. (A) 395/1993, seseorang pegawai awam dikatakan berada dalam keterhutangan kewangan yang serius apabila jumlah hutang yang tidak bercagar adalah melebihi 10 kali emolument bulannannya.

Ini bermaksud baki gaji akhir adalah kurang daripada 40 peratus. Oleh yang demikian pegawai awam hanya dibenarkan berhutang 60 peratus daripada emolument dan mempunyai baki gaji sekurang-kurangnya 40 peratus.

Turut menjadi panduan adalah Surat Edaran JPA bertarikh 24 Januari 2017 dengan nombor rujukan JPA.BK(S)328/2 Jld.13(9) berkaitan Pemantauan Ke Atas Pegawai Yang Berada Dalam Keterhutangan Kewangan Yang Serius," katanya.

Zulkapli berkata, walau apapun, subperaturan 13(3) P.U. (A) 395/1993 memperuntukkan jika keterhutangan kewangan yang serius sudah berlaku akibat malang yang tidak dapat dielakkan, kerajaan boleh memberi pegawai itu apa-apa bantuan sebagaimana yang wajar mengikut hal keadaan.

Katanya, dalam hal ini, ketua jabatan boleh merujuk pegawai terabit kepada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk mendapatkan bantuan bagi menguruskan hutang.

"Bagi meningkatkan kefahaman dan kesedaran mengenai pengurusan kewangan yang berhemah, kerajaan juga mengadakan kursus literasi kewangan peribadi kepada semua pegawai awam.

"Ia dilakukan menerusi pusat latihan seperti Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan pelaksanaan kursus secara *in house* (dalaman) yang dilaksanakan menggunakan peruntukan latihan yang dirangka di bawah pelan operasi latihan (POL) Kementerian dan jabatan masing-masing," katanya.

Semua ketua jabatan juga perlu mengambil tindakan tatatertib terhadap kakitangan yang didapati melakukan penipuan, termasuk ada yang memalsukan penyata gaji bagi tujuan mendapatkan pinjaman

Zulkapli Mohamed
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam



2.	TAJUK	'TIADA KOMPROMI PEMBINAAN BERISIKO ANCAM NYAWA'
	SUMBER	BERITA HARIAN
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	6 (NASIONAL)



'Tiada kompromi pembinaan berisikoancam nyawa'

Kedah pastikan pembangunan ikut peraturan, garis panduan sedia ada

Oleh Hamzah Osman
bhnews@bh.com.my

Langkawi: Kerajaan negeri sentiasa memantau isu keselamatan kediaman dan infrastruktur kekal yang dibina dalam kawasan zon batu kapur di negeri ini kerana ia membabitkan nyawa rakyat.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Sumber Asli, Bekalan Air, Sumber Air dan Alam Sekitar negeri, Mohamad Yusoff @ Munir Zakaria, berkata pihaknya tidak berkompromi terhadap pembinaan yang berisiko mengancam nyawa.

"Kita sentiasa berpegang kepada peraturan dan garis panduan sedia ada dan ia menjadi rujukan utama bagi mana-mana agensi di negeri ini ketika membuat keputusan sebarang pembinaan di kawasan risiko bencana geologi.

"Bagi pembinaan di kawasan zon batu kapur, khususnya permohonan baharu, tidak boleh tidak kita mesti ikut garis panduan yang ditetapkan Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG)," katanya.

Beliau mengulas laporan *BH* mengenai zon batu kapur membabitkan beberapa kawasan di negara ini yang dianggap sebagai 'bom jangka' kerana berisiko mengundang bencana runtuh batu.

Laporan itu mendedahkan antara landskap batu kapur di negara ini ialah Taman Negara Gu-



nung Mulu, Sarawak; Geopark Langkawi, Kedah; Gunung Kanthan di Lembah Kinta, Perak dan Batu Caves di Gombak, Selangor.

Ambil tindakan wajar

Mengulas lanjut mengenai kemungkinan terdapat pembinaan infrastruktur kekal dibina di kawasan Geopark Langkawi, Mohamad Yusoff berkata, kerajaan negeri akan meneliti perkara itu dan mengambil tindakan sewajarnya.

"Kawasan Geopark Langkawi khususnya di Kilim dan Tasik Dayang Bunting bukan kawasan penempatan kediaman, sebaliknya ia terkenal sebagai kawasan riadah dan pelancongan.

"Setakat ini belum ada laporan kejadian runtuh batu di kawasan terbabit, namun kerajaan negeri menerusi agensi keselamatan sedia ada sentiasa berwaspada berkaitan risiko yang boleh berlaku bila-bila masa," katanya.

Pada masa sama, beliau turut mengingatkan orang ramai yang berhasrat mengadakan aktiviti di kawasan bukit batu kapur sekitar Langkawi perlu peka dengan keadaan persekitaran bagi memastikan lokasi terbabit selamat.

"Sebelum beraktiviti, tinjau dahulu kawasan itu sama ada terdapat kesan runtuh batuan, retakan besar pada dinding te-

bing atau bahaya-bahaya lain sebelum melakukan sebarang aktiviti di kawasan berkenaan," katanya.

Sebelum ini, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor, dilaporkan berkata kerajaan negeri memutuskan untuk tidak memberi kelulusan sebarang permohonan baharu projek kuari di Baling bagi memastikan alam semula jadi yang menjadi tarikan pelancong di daerah itu tidak terjejas.

Beliau berkata, kelulusan sedia ada bagi projek kuari batu kapur, granit dan pasir yang diluluskan oleh pentadbiran negeri terdahulu turut ditangguhkan bagi mencari tapak alternatif di daerah itu.

Katanya, langkah itu seiring dengan matlamat kerajaan negeri untuk menjadikan Baling sebagai daerah ekopelancongan.



"Saya ingin maklumkan bahawa identiti Baling sudah ditetapkan sebagai daerah ekopelancongan. Maka sebarang projek yang boleh menjejaskan perancangan itu seperti permohonan kuari kita tidak akan pertimbangkan dan tangguhkan.

"Baling ini kaya dengan permohonan kuari antaranya melibatkan batu kapur, granit dan pasir. Kalau permohonan baharu memang kita akan tolak.

"Yang sudah diluluskan pula, kita tangguh untuk cari ganti di tempat lain. Kita nak pastikan kawasan tumpuan seperti gua di sepanjang Gunung Baling tidak terjejas dengan projek ekonomi perseorangan atau syarikat hingga mendatangkan kesan negatif terhadap daerah itu," katanya dalam Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) pada November lalu.

3.	TAJUK	TINDAKAN SEGERA ATASI ADUAN RAKYAT : PENGENDALI PADU SELESAI MASALAH DALAM TEMPOH SATU JAM
	SUMBER	BERITA HARIAN
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	INFO SEMASA
	MUKA SURAT/RUANGAN	3 (NASIONAL)

Tindakan segera atasi aduan rakyat

Pengendali PADU selesai masalah dalam tempoh satu jam

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Pasukan pengendali sistem Pangkalan Data Utama (PADU) sudah mengambil tindakan segera berhubung isu berbangkit pangkalan data itu malam kelmarin.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata pasukan berkenaan mengambil tindakan segera dalam tempoh sejam malam kelmarin apabila menerima pelbagai maklum balas rakyat selepas ia dilancarkan oleh Perdana Menteri, kelmarin.

Dalam kenyataannya menerusi media sosial X semalam, Rafizi berkata, tiada kelemahan dikesan dalam pengendalian pengesahan ketika *Security Posture Assessment* (SPA) menggunakan nombor MyKad membabitkan pendaftaran sistem PADU.

Berhubung pertanyaan mengenai *Bug/Vulnerability* (Pejabat/Kelemahan) dalam mengisi maklumat, Rafizi berkata, bagi melicinkan proses pengemaskinian individu, maklumat pengemaskinian boleh dilaksanakan sejourus log daftar masuk tanpa melalui proses e-KYC (Kenali Pelanggan Anda Menerusi Platform Digital).

"e-KYC hanya dilaksanakan selepas pengemaskinian maklumat dilaksanakan dan individu ingin membuat pengesahan dan perakuan penghantaran profil.

"Sebarang maklumat yang di isi tanpa e-KYC yang disahkan tidak akan diintegrasikan ke dalam PADU. Hanya maklumat yang dikemukakan dari pengguna yang berjaya pengesahan e-KYC dikira sah," katanya.

Iu mengenai e-KYC itu turut

dibangkitkan oleh bekas Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Ong Kian Ming, beberapa jam selepas ia dilancarkan.

Mengenai sama ada nombor telefon sama boleh digunakan untuk mendaftar berbilang akaun, Rafizi berkata, nombor telefon sama boleh digunakan sebanyak lima kali.

Ia bagi memudahkan pendaftaran individu yang juga ahli isi rumah berusia 18 tahun ke atas atau ibu bapa yang tidak memiliki telefon untuk membuat pendaftaran akaun PADU.

"Secara umumnya PADU direkabentuk bagi memuatkan maklumat setiap individu yang ber taraf warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia. Bagi tujuan ini, setiap individu yang berumur 18 tahun dan ke atas perlu mempunyai akaun individu sendiri.

"Seterusnya, bagi tujuan pembentukan isi rumah, individu yang berada di bawah satu isi rumah perlu dimasukkan di bawah satu isi rumah bersama ahli yang lain termasuklah mereka yang berusia di bawah 18 tahun dan bukan warganegara," katanya.

Jelasnya, ia bertujuan memastikan maklumat isi rumah terselaras dan hanya ketua isi rumah sahaja dibenarkan membuat pengemaskinian isi rumah.

"Perakuan bagi ahli isi rumah hanya boleh dibuat apabila ketua isi rumah selesai mengisi maklumat isi rumah masing-masing.


"Setiap individu digalakkan untuk mengisi bersama-sama isi rumah yang lain bagi memudahkan proses perakuan dilakukan dengan mudah," katanya.

Menjawab mengenai medan data kosong selepas proses e-KYC, Rafizi berkata, e-KYC adalah proses pengesahan identiti pengguna.

"Pengguna perlu memastikan setiap maklumat yang dikemaskini perlu disimpan (*save*) pada setiap variabel (butiran yang dikemas kini).

"Selepas semua maklumat disimpan, pengguna perlu melak-

3 langkah mudah pendaftaran & pengemaskinian secara dalam talian



sanakan e-KYC bagi melaksanakan perakuan kepada maklumat yang dikemaskini," katanya.

Sementara itu, beliau memaklumkan pelaksanaan PADU menerima sambutan baik apabila seramai 233,782 pengguna sudah mendaftar dengan sistem berkenaan setakat jam 10 pagi semalam.

Katanya, 118,115 daripada jumlah terbabit berjaya menyelesaikan pendaftaran dengan e-KYC iaitu bersamaan dengan 71 peratus.

Gesa tangguh proses daftar

Sementara itu, Bekas Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dr Ong Kian Ming, mengesahkan Kementerian menagguhkan proses pendaftaran PADU sehingga beberapa kecacatan keselamatan diperbetulkan.

Katanya, langkah itu perlu kerana wujud kecacatan dalam sistem pendaftaran PADU, termasuk menghendaki pengguna mengisi maklumat sama yang sudah ada dalam pangkalan data sistem itu.

"Rafizi mengatakan data yang disatukan daripada pelbagai Kementerian dan agensi kerajaan tidak dipaparkan kerana kebimbangan keselamatan dan kemungkinan penggodaan.

"Tetapi pengguna perlu mengisi lagi maklumat terbabit dan bagaimana data itu tidak sama dengan apa yang terdapat dalam pangkalan data PADU dan bagaimana sistem berkenaan maklumat lain berkaitan pendapatan sewaan tanah atau aset?"

"Malangnya, pangkalan data PADU sedia ada tidak mungkin mencapai objektifnya, berikutan ada penerima bantuan kerajaan

seperti Bantuan Tunai Rahmah (BTR), tetapi tidak layak menerima kerana mempunyai pendapatan bukan cukai lain seperti pendapatan sewa rumah dan memiliki tanah.

"In kerana mereka tidak akan mengisi maklumat tepat dalam sistem PADU," katanya dalam kenyataannya semalam.

Malah, katanya, beliau menguji pendaftaran PADU bagi empat pemimpin DAP mengikut alamat kad pengenalan dan poskod bagi pihak Hannah Yeoh, Steven Sim, Liew Chin Tong dan Teo Nie Ching.

"Semua pendaftaran akaun PADU untuk mereka tanpa melalui pengesahan e-KYC. Saya juga boleh menukar beberapa butiran untuk kelayakan akademik dan pekerjaan Hannah tanpa perlu melalui pengesahan e-KYC tanpa pengetahuan beliau," katanya.

Sekiranya YBrS/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi Unit Perpustakaan EIMAS di emel berikut:

1. Mazleen Bt Othman (mazleen@doe.gov.my)
2. JAMILAH Binti Abdullah (jamilah@doe.gov.my)
3. Azawirda Zarza Binti Aznan (zarza@doe.gov.my)

Perpustakaan Enviro Digital @Eimas
Institut Alam Sekitar Malaysia (EIMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor

